

[ 4 JUN 1983

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## PM kesal tiada pekerja Islam ke Maldives

SUNGAI PETANI, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini kesal kerana tidak ada pekerja Islam dari negara ini yang turut membina pusat Islam di Pulau Maldives.

Katanya "Hanya seorang arkitek muda Melayu yang mengetuai pembinaan pusat berharga \$10 juta ini."

Bagaimanapun, tegasnya, semua pekerja binaan pusat itu adalah bukan Islam walaupun kontraktor-kontraktornya dari Malaysia.

"Sepatutnya, bella Islam yang bersemangat harus turut membina pusat itu," katanya.

Bellau berkata demikian ketika merasmikan upacara meletak asas bangunan tambahan Masjid al-Amin, Sungai Layar, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, "Kita bangga kerana pusat Islam itu dicontohi dari bangunan masjid kita di Bangsar Kuala Lumpur."

Tetapi, katanya, "Kita tidak boleh berbangga kerana pekerja Islam tidak ada di situ."